

**SIARAN AKHBAR**  
**2 JANUARI 2019**

## **EKUINAS LANCARKAN DANA KEEMPAT**

*Teruskan mandat dalam memperkasa syarikat-syarikat berpotensi tinggi Malaysia dengan membina asas kukuh bagi mencapai mercu pertumbuhan seterusnya*

**Sorotan Penting: -**

- Ekuinas telah melancarkan dana keempatnya, **Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund** atau **Fund IV** bernilai RM1 bilion dan berkemungkinan ditingkatkan kepada RM1.5 bilion, yang sedia digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan tempatan berpotensi tinggi.
- Selepas penutupan dana sulungnya pada akhir 2017, Ekuinas sehingga kini telah merealisasikan hasil pelaburan, dividen dan faedah berjumlah RM2.3 bilion, yang telah disalurkan untuk menubuhkan dana baharu tersebut. Ini akan membawa jumlah dana di bawah pengurusan (FuM) sebanyak RM4.1 bilion.

**KUALA LUMPUR, 2 JANUARI 2019:** Ekuiti Nasional Berhad ('Ekuinas' atau 'Syarikat') hari ini mengumumkan pelancaran **Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund** (juga dikenali sebagai **Fund IV**) yang bernilai RM1 bilion dan berkemungkinan ditingkatkan kepada RM1.5 bilion. Dana ini akan bertumpu pada Malaysia dengan penekanan terhadap sektor teras seperti pendidikan, minyak & gas, barang pengguna laris (FMCG), peruncitan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan dan juga sektor lain dengan prospek yang positif.

Berikutan penutupan dana sulungnya, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, Ekuinas berjaya meraih RM2.3 bilion daripada hasil jualan, dividen dan faedah, yang digunakan untuk menubuhkan dana baharu ini. Ini akan membawa jumlah dana di bawah pengurusan (FuM) Ekuinas sebanyak RM4.1 bilion.

Syed Yasir Arafat Syed Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Ekuinas dengan sukacitanya melancarkan dana keempatnya. Ini adalah sejajar dengan strategi dan rancangan perniagaan kami untuk fasa seterusnya. Bajet 2019 dilihat sebagai mempermudah dan mesra perniagaan, dengan tumpuan kukuh terhadap usaha memacu Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Usaha Kerajaan untuk menggalakkan kerjasama dan perdagangan antara negara-negara ASEAN juga mewujudkan persekitaran perniagaan serantau dinamik, yang akan memberikan kesan positif terhadap syarikat-syarikat dan juga ekonomi tempatan. Kami melihat pemangkin ini sebagai faktor yang akan menyokong kadar pertumbuhan Malaysia pada 2019 dan Ekuinas akan terus berusaha untuk melaksanakan mandat dalam memperkasa syarikat-syarikat berpotensi tinggi Malaysia dengan membina asas kukuh bagi mencapai mercu pertumbuhan seterusnya, sambil menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia secara lebih meluas."

-Tamat-

**Mengenai Ekuinas**

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan pruntukan sebanyak RM5 bilion dari Kerajaan, Ekuinas berhasrat untuk melahirkan syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

**Hubungan Media:**

**Dau Ming Seling**  
**Klareco Communications**  
**M: +6017-888 2808**  
**E: [DSeling@clarecocomms.com](mailto:DSeling@clarecocomms.com)**

**Lok Ru Jun**  
**Klareco Communications**  
**M: +6012-325 6949**  
**E: [RLok@clarecocomms.com](mailto:RLok@clarecocomms.com)**